

CPI Land lancar Tuan Heritag3

Projek bertema gabungan kolonial, sofistikasi moden dijangka siap suku keempat 2028

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer
bbbiz@nsp.com.my

CPI Land, pemaju harta tanah terkemuka, bersedia melancarkan projek kondominium mewah Tuan Heritag3 di Segambut, Kuala Lumpur dengan nilai pembangunan kasar (GDV) mencecah RM670 juta.

Projek bertemakan gabungan kolonial dan sofistikasi moden ini bakal menjadi pilihan utama bagi mereka yang inginkan gaya hidup eksklusif di tengah kota.

Dibina di atas tanah seluas 2.35 hektar dengan status pegangan bebas, Tuan Heritag3 menjanjikan pengalaman hidup luar biasa.

Pengerusi CPI Land, Chung Shan Tat, berkata kondominium ini menawarkan akses mudah ke pengangkutan awam, terutama stesen KTM Segambut berdekatan, menjadikan perjalanan harian penduduk lebih lancar dan efisien.

"Pembangunan ini bukan sekadar tempat tinggal, tetapi sebuah ekosistem yang lengkap dengan kemudahan moden seperti kawasan penyerahan bungkus dan



Shan Tat (kiri) memberi penerangan mengenai projek kondominium mewah Tuan Heritag3 di Segambut babit nilai pembangunan kasar cecah RM670 juta.

(Foto Amirudin Sahib/BH)

makanan, kemudahan rekreasi menyeluruh, serta unit separa lengkap dengan kelengkapan terkinji.

"Selain itu, kami juga menyediakan ruang pengecasan kendaraan elektrik (EV) dan ruang kerja bersama dengan WiFi percuma," katanya.

Beliau menambah, Tuan Heritag3 turut menawarkan perkhidmatan ulang alik ke stesen Transit Aliran Massa (MRT) dan kawasan membeli-belah berham-

piran, memberikan penduduk pengalaman hidup holistik yang memenuhi keperluan gaya hidup moden.

Dengan 1,269 unit tersedia, Tuan Heritag3 dilengkapi dengan 2,621 petak parkir yang tersebar di tiga tingkat berbeza - tingkat bawah, tingkat 8 dan tingkat bumbung yang memastikan setiap penduduk dapat menikmati pemandangan bandar yang menakjubkan.

Projek ini dijadualkan untuk dilancarkan pada bulan ini dan dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2028.

Syarikat perluas portfolio

Dalam perkembangan lain, Shan Tat mengumumkan bahawa CPI Land sedang memperluas portfolio mereka melalui pengambilalihan dua kawasan tanah utama di Bukit Permata dan Selayang Mulia, dengan gabungan GDV ber-

nilai RM1.043 bilion.

Projek di Bukit Permata, Batu Caves, akan dilancarkan pada suku pertama 2025 dengan GDV RM557 juta, meliputi 8.33 hektar dan menawarkan campuran eksklusif rumah banglo, rumah berkembar separuh, superlink, dan kondominium tinggi.

Manakala, projek di Selayang Mulia yang bakal dilancarkan pada suku keempat 2025 akan menawarkan rumah link dua hingga tiga tingkat di atas tanah seluas 50.73 ekar dengan GDV RM486 juta.

"Pengambilalihan tanah ini adalah sebahagian strategi kami untuk menyasarkan kawasan pertumbuhan tinggi dan memenuhi pelbagai segmen pasaran."

"Kami berhasrat untuk menarik lebih ramai pembeli yang ingin naik taraf dan memiliki rumah baharu dengan ciri moden serta kos kemasukan yang rendah," katanya.

CPI Land juga merancang untuk meneroka peluang pengembangan di Johor dalam tempoh lima tahun akan datang.

Langkah ini adalah strategi syarikat untuk memperluas pasaran di luar kawasan semasa dan mengukuhkan kehadiran di wilayah selatan Malaysia.

"Kami melihat potensi besar di Johor dan komited untuk menawarkan penyelesaian inovatif yang memenuhi keperluan pasaran di sana," katanya sambil menutup perbualan dengan penuh keyakinan terhadap masa depan syarikat.

Program EmPower Experian Malaysia perkaskan bakat guna teknologi, data

Experian Malaysia melangkah ke hadapan dengan memperkenalkan Program EmPower, sebuah inisiatif yang bertujuan menarik, membangun dan memperkasaan bakat melalui penggunaan teknologi dan data terkini.

Program berkenaan dirancang khusus untuk membina tenaga kerja lebih inklusif dan inovatif, seiring dengan kepelbagaiannya masyarakat yang semakin berkembang.

Pengarah dan Pengurus Besar HR Experian Malaysia, Chua Chai Ping, menjelaskan bahawa Program EmPower bukan sahaja memberikan peluang kepada graduan baharu, tetapi juga kepada individu yang sedang mempertimbangkan perubahan kerjaya ke sektor teknologi maklumat (IT).

"Kami menawarkan latihan dan bimbingan yang komprehensif

sif untuk memastikan kakitangan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan bagi bersanding dalam industri teknologi yang semakin kompetitif," katanya.

Program EmPower menonjol dengan pendekatannya yang holistik, melampaui kaedah latihan tradisional. Ia menggabungkan pelbagai rangka kerja peningkatan berterusan, di mana kakitangan mendapat akses kepada alat kontemporari, platform pembelajaran kendiri, serta peluang untuk terbabit dalam tugasan global, projek Gig, dan pengalaman penjaruman.

Pendekatan ini bukan sahaja memenuhi keperluan industri teknologi yang berkembang pesat, tetapi juga menyumbang kepada strategi perniagaan keseluruhan Experian.

"Kami komited membangunkan bakat daripada pelbagai

lapisan masyarakat, mengharungi nilai perspektif berbeza dan menyediakan persekitaran yang inklusif untuk semua kakitangan," katanya.

Sedia peluang sama rata

Program ini juga menekankan pembinaan kecekapan, pengurangan kos dan peningkatan nilai yang diberikan kepada pelanggan, sambil memupuk budaya pembelajaran dan pertumbuhan yang berterusan.

Salah satu aspek utama Program EmPower adalah penciptaan persekitaran sokongan di mana kakitangan boleh memperoleh kemahiran yang bernilai, mendapatkan pengalaman praktikal dan berhubung dengan profesional industri.

"Melalui EmPower, kami berusaha untuk mengatasi halangan dan menyediakan peluang

sama rata untuk semua individu, tanpa mengira latar belakang mereka," jelas Chai Ping, menekankan matlamat syarikat untuk membantu kakitangan menggunakan kemahiran profesional mereka.

Program EmPower ini adalah sebahagian strategi menyeluruh Experian Malaysia untuk membina tenaga kerja lebih inovatif dan pelbagai.

Dengan melabur dalam bakat bukan tradisional, syarikat ini bukan sahaja memperluaskan kumpulan bakatnya, tetapi juga membawa perspektif baharu yang boleh memacu inovasi dan kejayaan lebih besar.

"Inisiatif ini adalah bukti komitmen Experian terhadap peningkatan berterusan dan dedikasi kami dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan pekerja," katanya.

 Kami menawarkan latihan dan bimbingan yang komprehensif untuk memastikan kakitangan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan bagi bersaing dalam industri teknologi yang semakin kompetitif.

Chua Chai Ping,
Pengarah dan Pengurus Besar HR Experian Malaysia

